



SIARAN MEDIA / MEDIA RELEASE

MENTERI KEWANGAN MALAYSIA

31 MEI 2018

MENYELAMATKAN NEGARA DARIPADA HUTANG RM1 TRILLION

- A. JANJI 100 HARI - PENSTABILAN HARGA RUNCIT PETROL DAN DIESEL, PELAKSANAAN SST**
- B. PEMBAYARAN BANTUAN KOS HIDUP (BSH) FASA KEDUA (SEBELUM DIKENALI SEBAGAI BR1M) DENGAN BANTUAN SARA HIDUP (BSH))**
- C. DISKAUN TOL HARI RAYA AIDILFITRI**
- D. SIARAN BOLA SEPAK PIALA DUNIA 2018**
- E. PENUBUHAN TABUNG HARAPAN**
- F. BANTUAN KHAS AIDILFITRI BERJUMLAH RM400 BAGI PENJAWAT AWAM GRED 41 DAN KEBAWAH SERTA RM200 UNTUK PESARA**
- G. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN 2018**

1. Kementerian Kewangan memberi tumpuan kepada langkah-langkah fiskal Kerajaan, terutamanya langkah-langkah kewangan yang akan dilaksanakan untuk memastikan kedudukan kewangan Kerajaan kekal teguh. Langkah-langkah termasuk mengurangkan hutang Kerajaan Persekutuan sebanyak RM1 trilion yang sebahagiannya disebabkan oleh skandal kewangan seperti 1MDB dan untuk memastikan bahawa defisit Bajet kita masih dapat dikawal. Kerajaan Persekutuan juga akan memastikan bahawa baki semasa (hasil yang diterima kurang perbelanjaan mengurus) tidak mengalami defisit.

Janji 100 Hari

2. Kerajaan Pakatan Harapan komited untuk menunaikan Janji 100 Hari bagi memastikan kesejahteraan rakyat tanpa meningkatkan beban hutang tersembunyi RM1 trilion yang ditanggung oleh Kerajaan Pakatan Harapan yang ditinggalkan oleh kerajaan sebelum ini. Sehubungan itu, Kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan perkara berikut:

Langkah Penstabilan Harga Runcit Petrol dan Diesel

3. Harga runcit petrol RON95 dan diesel akan dikekalkan pada harga semasa iaitu masing-masing pada kadar RM2.20 seliter dan RM2.18 seliter. Manakala harga runcit petrol RON97 akan dikekalkan pada harga semasa RM2.47 seliter sehingga 6 Jun 2018 walaupun Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) ditetapkan pada kadar sifar (0%). Bermula 7 Jun 2018, harga runcit petrol RON97 akan ditetapkan berdasarkan harga pasaran dan disemak secara mingguan setiap hari Khamis mengikut mekanisme *managed float*.

Pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST)

4. Cukai Barang dan Perkhidmatan (*Goods and Services Tax – GST*) dikenakan pada kadar sifar mulai 1 Jun 2018. Bagi menggantikan GST, Rang Undang-Undang Cukai Jualan 2018 dan Rang Undang-Undang Cukai Perkhidmatan 2018 akan dibentangkan di Parlimen sebaik sahaja selesai Perbahasan Titah Diraja di dalam Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Sidang Parlimen Ke-14. Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan akan dilaksanakan mulai 1 September 2018 tertakluk kepada semua urusan perundangan diselesaikan.
5. Untuk memastikan hutang nasional RM1 trilion terkawal, Kerajaan Persekutuan akan melaksanakan inisiatif Janji 100 Hari, khususnya pemberian subsidi petrol bersasar bagi kereta di bawah 1300 cc dan motor di bawah 125 cc, Skim Caruman KWSP kepada suri rumah,

peningkatan gaji minimum, penanguhan bayaran balik pinjaman PTPTN sehingga pendapatan RM4,000 sebulan dan pelaksanaan Skim Peduli Sihat hanya apabila keadaan kewangan bertambah baik.

6. Walaupun Kerajaan Pakatan Harapan ingin melaksanakan semua janji 100 hari, namun demikian Kerajaan ini mempunyai tanggungjawab fiskal dan tidak akan mengulangi kesilapan Kerajaan terdahulu dengan menyebabkan masalah kewangan yang tentunya akan membawa negara ke arah muflis jika tidak dibendung. Kerajaan Persekutuan akan terus komited untuk memenuhi janji-janji manifesto apabila keadaan kewangan mengizinkan.

Pembayaran Bantuan Sara Hidup (BSH) 2018 (sebelum ini dikenali sebagai BR1M)

7. Mulai 6 Jun 2018 (Rabu), Kerajaan bersetuju untuk melaksanakan pembayaran BSH 2018 peringkat kedua. Pembayaran ini akan melibatkan hampir 4.1 juta penerima dengan anggaran peruntukan sebanyak RM1.6 billion. Kerajaan berharap dengan pemberian BSH ini dapat membantu rakyat membeli barangan keperluan dan persiapan bagi menyambut Hari Raya Aidilfitri nanti. Pembayaran BSH akan dikreditkan terus ke akaun penerima masing-masing. Bagi mereka yang tiada nombor akaun, surat kelulusan akan diposkan terus ke alamat penerima dan seterusnya boleh ditunaikan di mana-mana cawangan Bank Simpanan Nasional yang berhampiran. Hanya yang berkeelayakan sahaja yang boleh menerima bantuan ini. Untuk sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi talian bebas tol 1800-88-2716 atau email kepada: br1m@treasury.gov.my.

Diskaun Tol Lebu Raya 50% untuk dua hari sebelum Hari Raya pertama

8. Untuk mengalu-alukan Hari Raya Aidilfitri dengan mengurangkan kos perjalanan dan kesesakan lalu lintas semasa musim perayaan, diskaun tol 50% akan diberi berterusan selama dua hari sebelum Hari Raya pertama. Pengecualian ini merupakan insentif tambahan selepas Kerajaan menetapkan kadar sifar ke atas GST mulai 1 Jun 2018. Syarikat konsesi juga disaran meneruskan diskaun tol pada hari-hari lain sebagaimana yang telah dilaksanakan sebelum ini bagi mengurangkan kos perjalanan.

Siaran Langsung Bola Sepak Piala Dunia 2018 di RTM

9. Sukan adalah salah satu wadah bagi menyatukan rakyat Malaysia. Oleh yang demikian, bagi memberi peluang kepada semua rakyat menonton siaran langsung Kejohanan Bola Sepak Piala Dunia 2018 secara percuma seperti yang dijanjikan dalam manifesto Pakatan Harapan, siaran langsung ini akan disiarkan melalui RTM sepanjang tempoh kejohanan. Ini akan menjadikan Hari Raya Aidilfitri lebih menyeronokkan untuk semua peminat bolasepak. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM40 juta untuk siaran Piala Dunia 2018 tetapi perbelanjaan sebenar ialah RM30 juta yang sebahagian akan ditaja melalui pendapatan pengiklanan. Menteri Multimedia dan Komunikasi, YB Gobind Singh Deo akan memberikan butirannya.

Penubuhan Tabung Harapan Malaysia

- 10 Berdasarkan kepada perkembangan terkini dan keprihatinan rakyat terhadap kedudukan hutang negara, Kerajaan telah mendapat permintaan daripada rakyat yang ingin menyalurkan derma dan sumbangan ikhlas mereka bagi mengurangkan bebanan hutang Kerajaan Persekutuan. Sehubungan ini, bagi membolehkan derma dan sumbangan tersebut diuruskan secara sistematik dan teratur satu tabung amanah yang dikenali sebagai Tabung Harapan Malaysia

(THM) ditubuhkan dan diuruskan oleh Kementerian Kewangan. Bentuk derma dan sumbangan yang boleh dihulurkan adalah dalam bentuk mata wang tempatan sahaja (Ringgit Malaysia). Bagi pihak Kerajaan Persekutuan, saya merakamkan penghargaan dan mengucapkan terima kasih atas keprihatinan dan segala sumbangan ikhlas rakyat Malaysia. Nombor akaun adalah 566010626452 (Maybank) dan sumbangan boleh potongan cukai ("tax deductible"). Setakat ini jumlah sumbangan pada jam 2 petang ialah RM6.5 juta. Kementerian Kewangan akan mengemaskini jumlah sumbangan terkini di laman web (www.treasury.gov.my) setiap hari pada pukul 2 petang.

Bantuan Khas Aidilfitri untuk Penjawat Awam dan Pesara

- 11 Kerajaan Pakatan Harapan mengiktiraf peranan penting kakitangan awam dahulu dan sekarang dalam membangunkan negara. Sehubungan itu, bonus Hari Raya berjumlah RM400 akan dibayar untuk penjawat awam Gred 41 dan ke bawah dan RM200 untuk pesara. Peruntukkan sebanyak RM700 juta telah disediakan untuk bayaran ini.

Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan 2018

- 12 Susulan pengumuman GST berkadar sifar mulai 1 Jun 2018 (Jumaat ini), hasil Kerajaan dijangka berkurang sebanyak RM21 bilion. Namun begitu, dengan peningkatan harga minyak dunia (purata USD70 setong), jangkaan kenaikan hasil berkaitan minyak hanyalah sebanyak RM5.4 bilion. Sebagai langkah segera, Kementerian Kewangan telah mengenal pasti langkah penjimatan perbelanjaan sebanyak RM10.0 bilion. Langkah ini lebih tertumpu kepada semakan semula perbelanjaan meliputi pengecilan, penangguhan serta pemansuhan program dan projek yang bertindih dan tidak mendesak.

- 13 Rakyat dengan sebulat suara telah memilih Kerajaan Persekutuan baharu untuk menyelamatkan negara daripada masalah kewangan. Ini bukan tugas yang mudah. Walaubagaimanapun, Kerajaan percaya bahawa kita akan berjaya untuk mengurangkan hutang Kerajaan Persekutuan RM1 trilion ini. Walaupun terdapat tekanan fiskal, namun asas ekonomi kita kekal kukuh. Sektor perbankan dikapitalisasi dengan nisbah pinjaman tidak berbayar yang rendah dan terdapat kecairan yang mencukupi dalam pasaran modal. Oleh itu, marilah kita terus bersatu untuk menghadapi dan mengatasi cabaran-cabaran ekonomi ini.

Sayangi Malaysiaku!

YB Lim Guan Eng

Menteri Kewangan

Putrajaya

31 Mei 2018